



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI 33 (11 OGOS 2024 – 17 OGOS 2024)

Pada Minggu Epidemiologi ke-33 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,294 kes berbanding 2,278 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat tiga (3) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-33 tahun 2024.


Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-33 adalah sebanyak 92,827 kes berbanding 75,928 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala terdapat 83 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 54 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-33 adalah sebanyak 91 lokaliti berbanding 86 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 91 lokaliti yang dilaporkan, 74 lokaliti di Selangor, tiga (3) lokaliti di WPKL & Putrajaya, tiga (3) lokaliti di Negeri Sembilan, tiga (3) lokaliti di Perak, tiga (3) lokaliti di Kelantan, tiga (3) lokaliti di Sabah, satu (1) lokaliti di Pulau Pinang dan satu (1) lokaliti di Kedah.


Bagi surveilan chikungunya, terdapat dua (2) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-33. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 66 kes. Tiada wabak chikungunya dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-33. Bagi surveilan zika, sebanyak 1,721 sampel darah, lapan (8) sampel urin dan tiga (3) sampel cecair serebrospinal telah dijalankan saringan zika dan keputusannya adalah negatif.

Berdasarkan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, pemilik premis yang didapati mempunyai pembiakan nyamuk Aedes boleh dikenakan kompaun sehingga nilai maksima RM500 dan tindakan mahkamah akan dikenakan sekiranya gagal menjelaskan bayaran kompaun yang ditawarkan. Pemilik premis yang disabitkan kesalahan di mahkamah bagi kesalahan kali pertama boleh dikenakan denda maksima RM10,000 atau dua (2) tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kedua, denda maksima adalah sebanyak RM50,000 atau lima (5) tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Namun begitu, aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bukan bertujuan untuk menghukum, sebaliknya memberi kesedaran dan pendidikan kepada komuniti serta menyokong keberkesanan usaha-usaha pencegahan dan kawalan denggi. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan dalam menjaga kebersihan persekitaran bagi memastikan kawasan di bawah jagaan bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes. ***Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.***


DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
24 OGOS 2024




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-33 & ke-32 tahun 2024



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-33 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-33), 2023 dan median 2019-2023



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-33 tahun 2024